

43

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)**

**RUJUKAN : 10720**

**SOALAN :**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pendaftaran Kuil Sri Veeramakaliamman Devasthanam di Bukit Gelugor yang telah pun dilucutkan pendaftarannya (*deregistered*) dan sama ada kuil tersebut akan didaftarkan semula.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kuil Sri Veeramakaliamman Devasthanam telah dibatalkan pada 13 Disember 2017 selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 13(1)(c)(iv), Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] kerana melanggar perlembagaan pertubuhannya yang mengehendkan jumlah pegangan wang tunai oleh Bendahari hendaklah tidak melebihi daripada RM50.00.**

**Pembatalan tersebut adalah susulan semakan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) pada 4 Mei 2017 yang mendapati bahawa terdapat wang tunai berjumlah RM7,706.13, RM2,148.00, dan RM3,765.55 masing-masing pada tahun 2013, 2014 dan 2015 dalam simpanan Bendahari. Kesalahan tersebut telah dimaklumkan melalui notis bertarikh 15 Mei 2017 iaitu 7 bulan sebelum tindakan pembatalan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pihak pertubuhan gagal mengambil tindakan pembetulan, termasuk meminda had wang tunai yang dipegang oleh Bendahari. Selain itu, pertubuhan tersebut juga tidak mengemukakan penyata tahunan bagi tahun 2016 dan 2017 seperti mana yang diarahkan.**

**Permohonan rayuan pendaftaran pertubuhan tersebut telah diterima dan akan dipertimbangkan dengan sewajarnya.**